

## SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

### TH SERAH ZAKAT RM3.5JUTA KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK

**KUALA LUMPUR, 8 Mei 2017** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat berjumlah **RM3,498,946.66** bagi tahun kewangan berakhir 2016 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dalam satu majlis ringkas di Istana Perak, Changkat Persekutuan, Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Mahgfur-lah telah berkenan untuk menerima pembayaran zakat ini yang dipersembahkan oleh YBhg. Dato' Badlisyah Abdul Ghani, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**. Pembayaran zakat bagi negeri Perak ini mencatatkan peningkatan sebanyak **2.18%** berbanding **RM3,424,433.50** (2015).

YBhg. Dato' Badlisyah Abdul Ghani berkata sebagai sebuah institusi Islam, **TH** menekankan aspek kelestarian ekonomi ummah dan pembayaran zakat berperanan mempertingkatkan kebajikan masyarakat dan membantu meningkatkan kegiatan ekonomi golongan asnaf.

Pembayaran zakat kepada Pusat Pungutan Zakat di seluruh negara dilaksanakan agar wang tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan asnaf miskin yang layak, dan seterusnya membantu ke arah kemampunan program-program zakat yang bakal dilaksanakan oleh Pusat Pungutan Zakat Negeri-negeri," kata beliau.

Jumlah keseluruhan pembayaran zakat **TH** 2016 terus mencatatkan peningkatan sebanyak 1.69% (RM60.3 juta) berbanding tahun sebelumnya, RM59.3 juta (2015). Dengan kenaikan ini, **TH** akan meningkatkan lagi program pengagihan zakat secara terus kepada asnaf-asnaf di seluruh negara melalui Program Iqra', Program

Ehsan, Program Baiti dan Program Mobiliti. Program-program tersebut diharapkan dapat memberi manfaat secara terus kepada lebih ramai golongan sasar.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg. Jen. Dato' Seri Diraja Tan Sri Dr. Mohd Zahidi Bin Haji Zainuddin, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja; YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin, Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Perak, Ahli-ahli dan pegawai Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dan **TH**.

**-Tamat-**

#### **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 124 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.